

KUTKM sasar taraf antarabangsa

Archival News | Berita Harian | 29/10/2002

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) bukan saja mensasarkan untuk menjadi institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang setanding dengan IPT awam (IPTA), malahan ingin mencapai taraf antarabangsa dalam tempoh enam hingga tujuh tahun akan datang.

Datuk Prof Dr Mohd Ruddin berkata, untuk mencapai sasaran itu, beliau menggesa setiap warga KUTKM membabitkan diri sekurang-kurangnya dalam dua kegiatan selain daripada tugas hakiki yang diamanahkan.

Beliau juga menekankan pentingnya kakitangan KUTKM memperkukuhkan semangat setia kawan bagi menjamin pelaksanaan tanggungjawab yang diberikan dengan lebih sempurna.

Beliau berkata demikian selepas menyertai Program Sihat Cergas KUTKM, yang membabitkan semua warga KUTKM.

(END) Source : Berita Harian